

# Kerajaan bina 600 sekolah baru

BH 26 AUG 2001

IPOH: Kerajaan akan membina kira-kira 600 sekolah baru dalam beberapa tahun akan datang untuk membolehkan pelaksanaan sistem persekolahan satu sesi di seluruh negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ia selaras dengan keputusan kerajaan sebelum ini untuk mengatasi masalah pelajar yang terpaksa berkongsi sekolah kerana bangunan sekolah sedia ada tidak mencukupi.

Beliau berkata, ia sebagai tambahan kepada 600 sekolah yang sudah melaksanakan sistem persekolahan satu sesi dan proses menghapuskan persekolahan dua sesi itu akan dilaksanakan secara berperingkat kerana memerlukan belanja yang besar, selain Malaysia mempunyai kira-kira 9,000 sekolah rendah dan menengah.

"Kita sudah membina beratus sekolah dan kita percaya tak lama lagi kita akan dapat laksanakan sekolah satu sesi di seluruh negara.

"Yang dah kita bina untuk sekolah satu sesi hampir 600 sekolah dan kita nak bina 600

sekolah lagi.

"Kita buat sikit-sikit sebab ia menelan belanja yang besar," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis penutup Perhimpunan Patriotik Pemimpin Pelajar Peringkat Kebangsaan 2001 yang dihadiri kira-kira 5,000 pelajar di Stadium Indera Mulia di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad.

Sebelum itu, seramai 1,200 pemimpin pelajar dari seluruh negara menyertai program turun ke desa, sempena ulang tahun Hari Kemerdekaan ke-44.

Dr Mahathir juga menjelaskan setiap tahun kerajaan memperuntukkan sejumlah wang yang besar untuk pendidikan kerana menyedari betapa pentingnya rakyat dilengkapi dengan ilmu pengetahuan untuk membangunkan negara.

"Pendidikan adalah bahagian yang terbesar sekali peruntukan kita dalam perbelanjaan negara.

"Negara lain belanjakan wang yang banyak untuk pertahanan... kita tak, kita untuk sekolah dan

pembangunan luar bandar," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata rakyat negara ini bertuah kerana tidak ada negara membangun lain yang memperuntukkan perbelanjaan begitu besar untuk pendidikan.

Melalui peruntukan besar itu, katanya, negara ini mempunyai sekolah di merata tempat sehingga boleh dikatakan tidak ada pelajar yang tinggal terlalu jauh dari sekolah, termasuk di luar bandar.

Beliau berkata, kerajaan bukan setakat hanya membina sekolah, malah memastikan ia dilengkapi dengan komputer untuk menjadikan ia sekolah bestari.

Dr Mahathir juga mahu pelajar Melayu, terutama lelaki meningkatkan usaha untuk mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan kerana kemasukan pelajar ke universiti kini tidak seimbang mengikut jantina apabila bilangan pelajar perempuan mengatasi lelaki dengan nisbah 70:30.

"Pelajar Melayu bukan bodoh dalam pelajaran, tetapi mereka kurang memberi tumpuan contohnya ramai pelajar wanita Melayu cemerlang sebab mereka be-

lajar bersungguh-sungguh.

"Saya tak percaya pelajar lelaki Melayu bodoh, tetapi sebab mereka tidak belajar dengan tekun.

"Kita perlu belajar kerana kita tidak akan pandai dengan sendiri...Kita tak dilahirkan dengan kepandaian tetapi kita dilahirkan dengan akal fikiran, otak yang boleh dicanai menjadi baik," katanya.

Beliau berkata, jika generasi muda sayang kepada negara, bangsa dan agama, mereka perlu belajar dan melengkapkan diri dengan kecekapan dan ilmu pengetahuan yang boleh digunakan untuk membangunkan negara.

Mengenai meritokrasi, katanya, kerajaan tidak boleh menurunkan syarat kemasukan ke universiti semata-mata mahu memastikan ramai pelajar Melayu berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi.

Beliau juga mengingatkan generasi muda supaya mempertahankan kemerdekaan negara serta jangan memandang mudah menegenainya kerana musuh negara sentiasa berusaha menjajah negara dengan pelbagai cara lain, terutama melalui ekonomi.